

12/10/2001

Dr Mahathir puas hati

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pencapaian Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) walaupun pembatalan penyertaan beberapa peserta.

Perdana Menteri berkata, di sebalik ada yang menarik diri, bilangan peserta, pelawat dan pempamer lebih besar daripada dahulu, terutama dari Russia.

Selain itu, secara keseluruhan, beliau berkata, kedua-dua segmen udara dan maritim menunjukkan kemajuan hebat sejak Lima pertama pada 1991.

Menurut Dr Mahathir, Lima membawa banyak perubahan dalam kedua-dua industri sehingga menyaksikan negara kini mempunyai kepakaran dan teknologi jauh lebih tinggi daripada dahulu.

(END)